

Lawatan PM kukuhkan

UM 1 1 MAR 2000

Oleh MARZUKI YUSOFF

FOKUS

JAKARTA IO Mac — Nasib seseorang hegara boleh disamakan dengan nasib seseorang manusia.

Bilasedang kuat dan berpengaruh, ramai yang ingin berkawan dan begitulah sebaliknya ramai kawan yang menjauhkan diri malah dipandang hina apabila kekuatan dan pengaruh itu tiba-tiba hilang.

Barangkali begitulah nasib yang menimpa Indonesia setelah krisis ekonomi dari permainan pihak asing dengan sekelip mata telah menghancurkan hampir seluruh sektor ekonomi yang telah dibangunnya sejak sekian lama.

Dalam menghadapi saat-saat genting itu, Indonesia sudah tentu memerlukan banyak sokongan dari negara-negara yang pernah menjadi sahabatnya ketika sedang makmur dulu.

Malaysia sendiri seperti kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berpendapat bahawa Indonesia kritika ini memerlukan dukungan kuat dari masyarakat antarabangsa untuk mempercepatkan proses pemulihan ekonominya.

Walaupun banyak tokoh masyarakat dan media massa di Indonesia pernah menyinggung perasaan para pemimpin Malaysia pada tahun 1998 lalu berhubung isu pemecatan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim tetapi pucuk pimpinan dari kedua-dua negara terus berusaha untuk mengekalkan hubungan akrab sedia ada.

Lawatan rasmi Dr. Mahathir ke Indonesia dengan satu delegasi besar yang terdiri daripada empat menteri kabinet dan lebih 150 pengusaha selama dua hari mulai semalam mencerminkan dasar luar Malaysia terhadap Indonesia.

Sebuah akhbar berpengaruh di republik ini iaitu *Media Indonesia* dalam rencana pengarangnya hari ini menyanjung tinggulah Dr. Mahathir itu kerana kali terakhir Perdana Menteri mengunjungi Indonesia adalah di Batam sewaktu bertemu dengan bekas Presiden B.J. Habibie.

hubungan yang akrab

Asia yang tumbang dari puncak kekuasaan termasuk Suharto tetapi Dr. Mahathir termasuk pemimpin yang mampu mengendalikan bangsanya dalam mengharungi krisis ekonomi," kata akhbar itu lagi.

Menteri Kewangan Malaysia, Tun Daim Zainuddin dalam pertemuannya dengan wartawan-wartawan Malaysia di sini, hari ini, mengakui betapa krisis ekonomi ini telah mengajar Malaysia mengenai erti persahabatan sejati.

Seperti juga Indonesia, menurut Daim, pihaknya telah mengenal pasti negara-negara yang akan bersama ketika "senang dan susah" malah ada negara yang sebelum ini amat baik dengan Malaysia cuba menjauhkan diri sewaktu Malaysia berdepan dengan saat-saat yang genting.

"Negara berkenaan sebaliknya mula menunjukkan minatnya terhadap Malaysia setelah ekonomi kita mula menunjukkan tanda-tanda pemulihan," tegas beliau.

Dalam konteks Indonesia, Dr. Mahathir sendiri menegaskan bahawa sikap dan dasar luar Malaysia mengenai hubungannya dengan Indonesia tidak akan berubah walaupun terjadi perubahan termasuk perubahan pucuk pimpinan.

Segala perubahan yang terjadi di Indonesia, menurut Perdana Menteri adalah akibat dari serangan hebat terhadap ekonominya sehingga meruntuhkan bersamanya keyakinan dan dinamisme rakyat negara itu.

Namun begitu, beliau percaya, Indonesia dapat bangkit kembali sebagai salah sebuah kuasa ekonomi Asia.

Dan, untuk mencapai impian itu, Indonesia memerlukan dukungan sejati dari negara-negara sahabatnya terutama untuk keluar dari cengkaman kuasa Barat ke atas ekonominya.

Kunjungan Dr. Mahathir membuktikan bahawa Malaysia tidak akan meninggalkan Indonesia bersendirian dalam menghadapi masa-masa susah.

Dengan membawa delegasi besar yang terdiri daripada para pengusaha terkemuka dari Malaysia, Dr. Mahathir seolah-olah berusaha membantu Indonesia mempercepatkan proses pemulihan ekonominya.

Akhbar itu mengakui hubungan kedua-dua negara agak renggang ekoran isu Anwar akibat terjadi "perang kata-kata" yang saling merendahkan antara satu sama lain.

"Kunjungan Presiden Abdurrahman Wahid ke Kuala Lumpur dan sekarang dibalas oleh Dr. Mahathir ke Jakarta adalah sebuah kesefahaman bahawa baik hati dan baik sangka merupakan *basis* (asas) sikap yang harus dibangun di antara dua negara tertangga dan para pemimpin," kata akhbar itu lagi.

Membangun

Perdana Menteri Malaysia, menurut *Media Indonesia*, telah memberi contoh seorang pemimpin yang kuat, tidak saja dalam mengendalikan masalah bangsanya tetapi juga menentang hegemoni dan keegoan baru kuasa Barat terhadap negara membangun di Asia dan Afrika.

Dr. Mahathir, malah, menjadi simbol perlawanan dalam membela nasib dunia sebelah Timur, tidak saja kepada bangsa Melayu tetapi terhadap segala bentuk kekuasaan dan keangkuhan yang dipaksakan oleh negara-negara yang bergelar kuasa besar.

"Dan, akhirnya Dr. Mahathir tampil dengan karakter dan integriti diri yang teguh terhadap bangsanya dan Barat tidak boleh mengaku mereka menjadi pemenang dalam pertarungan dengan Perdana Menteri Malaysia itu.

"Ketika krisis ekonomi melanda Asia, banyak pemimpin

Bagaimanapun, kesungguhan Malaysia dalam membantu negara jiran itu seharusnya tidak melalui pelbagai halangan birokrasi seperti di era pemerintahan dahulu sehingga ada pengusaha Malaysia yang mengaku kalah setelah melabur di Indonesia.

Menyedari betapa pentingnya pelaburan asing bagi membangkitkan ekonomi negaranya, Presiden Abdurrahman berjanji akan mencabut pelbagai bentuk halangan yang boleh menyekat pelaburan asing terutama soal terlalu banyak birokrasi yang berbau rasuah.

"Ada kalanya seseorang pelabur asing terpaksa melalui 30 proses birokrasi sebelum dapat membuka bisnesnya dan birokrasi sumpama itu tidak akan menguntungkan Indonesia," tegas Abdurrahman seperti dipetik oleh stesen radio tempatan, kelmarin.

Presiden itu menganggap Malaysia adalah salah sebuah negara perdagangannya yang penting.

Pelaburan

Sehingga tahun 1998, Malaysia menduduki tempat ke 11 sebagai negara paling banyak melabur di Indonesia dengan nilai pelaburan lebih RM7.6 bilion.

Dari sudut ekonomi, potensi yang ada di Indonesia harus dilihat secara positif oleh para pengusaha Malaysia.

Walaupun masih belum pulih, republik ini masih memiliki lebih dari 20 juta penduduk dari golongan menengah yang kuasa beli mereka mungkin lebih besar dari golongan menengah di Malaysia.

Apa yang penting lagi, kemasukan lebih banyak pelabur Malaysia ke Indonesia akan menyakinkan negara itu mengenai negara manakah yang sebenarnya boleh menjadi sahabat ketika susah atau sebaliknya.

Malaysia kini mencari negara sahabat ketika susah dan senang. Mungkin, Indonesia boleh membuktikannya. — Utusan